

15 JUN 2002

MCA-Pemuda/I

RUNDINGAN PEMUDA MCA GAGAL, TIADA PERSETUJUAN BAGI PEMEGANG JAWATAN

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Rundingan Pemuda MCA yang dijadualkan minggu lepas gagal menjadi kenyataan dan kedua-dua kumpulan masih belum mengemukakan senarai bersama pemegang jawatan bagi penggal 2002-2005.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelia tiga anggota Pemuda MCA, Wang Choon Wing, berkata mesyuarat pada Selasa, Khamis dan hari ini tidak mencapai sebarang keputusan kerana satu daripada kumpulan itu yang diketuai timbalan setiausaha agung Pemuda Liow Tiong Lai tidak menghadiri mesyuarat-mesyuarat itu kerana mereka mahu ketua Pemuda yang digantung Datuk Ong Tee Keat menjadi pengantara.

"Saya difahamkan Datuk Ong (Tee Keat) bersedia memanggil bagi mesyuarat Pemuda bagi membincangkan perkara itu. Saya puas hati mendengarnya dan saya berharap mereka boleh bersabar dan menyelesaikan perkara itu," katanya kepada pemberita di Wisma MCA di sini hari ini.

Beliau berharap Ong akan memanggil bagi satu mesyuarat supaya kedua-dua pihak boleh hadir untuk menyelesaikan masalah mereka, terutamanya untuk mengemukakan senarai pemegang jawatan bersama sebelum persidangan perwakilan Pemuda pada 28 Jun.

"Kami benar-benar berharap mereka akan mencapai persetujuan di antara mereka," katanya.

Kedua-dua kumpulan itu dijadual mengadakan mesyuarat terakhir mereka pada 10 pagi hari ini di Wisma MCA bagi menyediakan senarai bersama pemegang jawatan.

Bagaimanapun, hanya satu kumpulan yang diketuai naib pengerusi Pemuda yang digantung, Loh Seng Kok, yang juga merupakan setiausaha politik kepada Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hadir pada mesyuarat itu.

Satu senarai bersama pemegang jawatan diperlukan berikutan keputusan Jawatankuasa Pusat untuk mengekalkan status quo dalam parti dari peringkat Bahagian ke atas selaras dengan agenda damai dan kestabilan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan krisis dalam MCA.

Loh berkata mereka dibeirtau oleh Wang bahawa satu lagi kumpulan perlukan lebih banyak masa untuk mengatur bagi rundingan selanjutnya.

Beliau berkata kumpulannya telah dinasihatkan oleh jawatankuasa penyelia untuk berunding dengan satu lagi kumpulan mengenai senarai bersama.

"Kami telah bersetuju pada dasarnya untuk hadir sekiranya Datuk Ong memanggil bagi satu mesyuarat," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata pihaknya sudah bersedia untuk menyelesaikan masalah dalam pergerakan itu kerana "kami mahu pergerakan ini berfungsi secepat mungkin".

Jawatankuasa Pemuda Pusat yang diketuai oleh Ong telah digantung oleh Jawatankuasa Pusat (CC) pada 19 Dis berikutan perkelahian pada persidangan perwakilan Pemuda pada 3 Ogos tahun lepas.

Berikutan penggantungan itu, CC telah melantik panel penyelia yang diketuai oleh Wang untuk mengambil alih CC Pemuda.

-- BERNAMA

AT AZZ TS RHM